

Aktiviti pelepasan ikan tagal dan lawatan tapak pokok mangga di sekitar JHEP

UB 10.5.2018 B2

KOTAKINABALU: Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP), Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengadakan aktiviti pelepasan ikan di tasik kolam ikan (tagal) dan lawatan tapak pokok mangga bertempat di sekitar, JHEP, UMS.

Aktiviti ini adalah kesinambungan program perasmian kolam ikan

(tagal) dan pelepasan ikan yang diadakan pada November 2017 lalu di tasik JHEP.

Aktiviti kali ini adalah pelepasan ikan-ikan tambahan oleh staf HEPA.

Menurut penyelaras bagi projek kolam ikan (tagal) ini, Ahmad Fadly Abd. Rahman, yang juga Pegawai Belia dan Sukan, Pusat Sukan, UMS,

bahawa jumlah ikan yang dilepaskan kali ini adalah sebanyak 380 ekor iaitu ikan puyu/karuk 100 ekor, ikan sepat 100 ekor dan ikan keli Afrika sebanyak 30 ekor sumbangan staf HEPA manakala ikan keli 100 ekor dan ikan talapia merah 50 ekor adalah sumbangan daripada Institut Penyelidikan Marin

Borneo, UMS.

Selepas pelepasan ikan, aktiviti diteruskan dengan lawatan tapak di sekitar pokok-pokok mangga yang telah ditanam oleh staf HEPA. Setiap pokok diletakkan nama-nama staf HEPA.

Timbalan Naib Canselor (HEPA) berpuas hati dengan perkembangan pokok-pokok



SESI pelepasan ikan oleh staf HEPA di kolam ikan tagal.

mangga yang ditanam tumbuh dengan subur di sekitar kawasan JHEP.

Turut hadir dalam aktiviti

berkenaan adalah Timbalan Naib Canselor (HEPA) Prof. Dr. Ismail Ali, Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar

Ahmadi Nurdin, Pengarah Pusat Sukan Mohd. Asyraaf Abdullah, pegawai-pegawai dan kakitangan HEPA.



SESI bergambar Prof Dr Ismail Ali bersama staf HEPA di sekitar pokok mangga.